

21/08/1999

Media khas bagi Asia sukar dilaksana

Mustapa Omar in Beijing

BEIJING, Jumaat - Usaha mewujudkan media khas bagi Asia sukar untuk menjadi kenyataan kerana kebanyakan penduduk rantau ini sudah biasa dengan media yang dikuasai Barat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, walaupun cadangan menubuhkan media khas Asia itu sudah lama menjadi impian, ia sering menghadapi rintangan kerana tidak dapat menarik pembaca seperti diharapkan.

"Ramai yang bercakap mengenainya, tetapi sukar untuk dilaksanakan kerana orang ramai sudah terbiasa dengan media yang dikuasai Barat sehingga mereka hampir menolak media sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam sidang akhbar di akhir lawatan rasmi tiga hari ke China hari ini, sebelum berlepas ke Ulan Ude di Republik Buryatia, untuk lawatan dua hari ke wilayah Russia itu.

Beliau ditanya mengenai cadangannya supaya Malaysia dan China bersama negara serantau lain menubuhkan media khas bagi Asia, berikutan tindakan media Barat yang sering memberikan liputan kurang tepat mengenai kejadian di rantau ini.

Ketika berucap di Forum Malaysia-China Ketiga di sini semalam, Perdana Menteri berkata apa yang membimbangkan negara-negara Asia Timur ialah liputan mengelirukan oleh media Barat hingga boleh menjejaskan imej sesebuah negara.

Keadaan ini berlaku akibat penguasaan keterlaluan media Barat dalam liputan mengenai hal ehwal serantau dan global pada abad ini.

Usaha mewujudkan media untuk masyarakat Asia oleh orang Asia sendiri pernah dilaksanakan pada 1995 dengan penerbitan akhbar Asia Times beribu pejabat di Bangkok, tetapi gagal apabila ia hanya mampu bertahan selama dua tahun.

Mengenai pelanggaran hak asasi manusia di Asia, khususnya China, Dr Mahathir berkata perkara itu berlaku di seluruh dunia, bukan hanya di negara-negara Asia.

"Masalahnya, Asia tidak gemar mengkritik orang lain. Kita tidak fikir kita perlu membuat undang-undang dan memaksa orang lain mengikutnya. Di banyak negara, masyarakat Orang Asli tidak diberi perhatian malah ramai yang dibunuh.

"Di beberapa negara tertentu, Orang Asli semakin berkurangan sebaliknya di Malaysia jumlah mereka bertambah. Oleh itu, masyarakat Barat perlu melihat diri mereka sendiri dulu sebelum mengkritik orang lain," katanya.

Ditanya mengenai tuntutan bertindih terhadap Kepulauan Spratly, Dr Mahathir berkata isu itu perlu diselesaikan melalui perbincangan, sama ada dua hala atau pelbagai hala antara negara terbabit dalam pertikaian itu.

Spratly adalah satu rantaian kepulauan di Laut China Selatan yang dituntut sepenuhnya atau sebahagiannya oleh China, Malaysia, Filipina, Brunei, Taiwan dan Vietnam.

(END)